

	PENGURUSAN PROJEK Definisi Skop Projek	Reference : JKR.PMMM.03 Page No : 1 Issue No : 1 Revision No : 1 Date : 18.08.2010
---	--	--

KONTEKS: ASAL DAN LATARBELAKANG

Menerangkan tentang keadaan/konteks yang membawa kepada perlunya projek diadakan; Secara ringkas menerangkan idea atau masalah, serta membincangkan kenapa projek ini relevan dan pada waktunya; Memberi maklumat tentang sebarang kajian kemungkinan/kebolehlaksanaan (feasibility studies) yang telah dijalankan dan kuasa untuk meneruskan projek.

Latar Belakang

Cadangan Pembangunan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (HP UniSZA) telah dibentang sebanyak dua (2) kali di dalam Jawatankuasa Perancang dan Pembangunan Negara (JPPN) dan diputuskan bahawa pembinaan hospital pengajar dan perolehan peralatannya perlu melalui proses pengurusan nilai bagi mengenal pasti keperluan dan kos sebenar projek.

HP UniSZA merupakan hospital tertiar berkapasiti 100 katil. HP UniSZA bersifat memperluaskan kemudahan dan perkhidmatan bagi Hospital Sultanah Nur Zahirah.

Lokasinya terletak di Kampus UniSZA Gong Badak, Kuala Terengganu, Terengganu dengan tapak seluas 50 ekar. HP UniSZA akan menjurus kepada 4 pengkhususan utama iaitu Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan, Dietetik, DMLT dan Radiografi.

JENIS PROJEK

STAKEHOLDER (PIHAK YANG BERKEPENTINGAN DALAM PROJEK)

Mengenalpasti siapa yang akan mempengaruhi atau dipengaruhi dalam projek yang mempunyai kepentingan terhadap projek; Menerangkan bagaimana projek akan diatur dan diuruskan

- 1) KPKR
- 2) TKPKR
- 3) Pengarah CPPT
- 4) HOPT
- 5) Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan (FPSK) UniSZA
- 6) HODT (arkitek, awam dan struktur, mekanikal, elektrik, ukur bahan, alam sekitar, jalan dan geoteknik)
- 7) Kontraktor
- 8) Perunding
- 9) Pihak Berkuasa Tempatan (TNB, TM, MITI, LPTA, DCA, dll)
- 10) Pembekal/vendor
- 11) Sub-kontraktor
- 12) Pengguna
- 13) Pengarah JKR Terengganu

	PROJECT MANAGEMENT Project Scope Definition	Reference : JKR.PMMM.03 Page No : 2 Issue No : 1 Revision No : 1 Date : 06.05.2008
---	---	--

PROJECT GOVERNANCE (PENGAWAL PROJEK)

Mengenalpasti jawatankuasa atau kumpulan yang akan menentukan halatuju dari segi pengurusan dan kelulusan untuk projek.

- 1) KPKR
- 2) Kementerian Pelajaran Malaysia
- 3) Unit Perancang Ekonomi, JPM

AUTHORITI/DELEGASI PROJEK

Mengenalpasti tahap kuasa yang diberikan kepada individu/jawatankuasa/kumpulan untuk kelulusan dana projek, kelulusan perubahan kepada projek dan kelulusan lain yang berkaitan dengan projek.

- 1) Pengarah CPPT JKR
- 2) Pengarah Kanan CKE JKR

FAEDAH KEPADA ORGANISASI

Menerangkan faedah yang diperolehi oleh organisasi daripada hasil komitmen terhadap projek.

- 1) Penjimatan masa menggunakan kaedah pelaksanaan secara Reka & Bina dan kaedah-kaedah yang inovatif
- 2) Penggunaan sumber manusia yang minima
- 3) Pemindahan teknologi melalui kaedah pembinaan terkini
- 4) Risiko yang minima kepada pihak kerajaan
- 5) Komunikasi bersepadu
- 6) Memberi pengalaman dan pendedahan kepada pegawai JKR dalam bidang pengurusan projek hospital.
- 7) Membuktikan keupayaan JKR dalam melaksanakan projek berprofil tinggi yang memberi faedah kepada rakyat dan Negara.
- 8) Memantapkan lagi pengetahuan dalam aplikasi IBS dan Kecekapan Tenaga terutamanya dalam pelaksanaan bangunan dan fasiliti kesihatan.

	PROJECT MANAGEMENT Project Scope Definition	Reference : JKR.PMMM.03 Page No : 3 Issue No : 1 Revision No : 1 Date : 06.05.2008
---	---	--

OBJEKTIF PROJEK

*Look to establish **Stated, Measurable, Agreed, Realistic & Timed** objectives.*

Objektif Utama

Menerangkan apa yang dipersetujui oleh stakeholder pada masa ditetapkan dengan kos tertentu serta boleh diukur hasil tersebut; Menerangkan hasil tertentu yang akan dicapai serta bagaimana ia diukur

Merancang dan melaksanakan projek pembinaan HP UniSZA dalam jangkamasa 40 bulan dengan kos RM 150 juta.

Objektif Sampingan

Menerangkan objektif sampingan atau faedah lain yang ingin dicapai pada masa yang sama.

- 1) Peningkatan kemahiran teknikal dan komunikasi.
- 2) Pendedahan dan peningkatan terhadap kompetensi dalam pelaksanaan projek berprestij dan kompleks
- 3) Aplikasi teknik amalan terbaik pengurusan projek

PERNYATAAN HASIL DARIPADA PROJEK (STATEMENT OF DELIVERABLES)

Menerangkan apa yang dihasilkan daripada projek ini (*end product*); Menerangkan apa yang perlu dilakukan/dihasilkan/dilaksanakan untuk mencapai objektif projek

- 1) Perancangan
 - a. Pelan Pengurusan Projek (PMP) untuk proses rekabentuk
 - b. Brif (termasuk Brif Projek, Brif Medikal, Brif Peralatan Medikal)
 - c. Pernyataan Kehendak (*Need Statements*)
- 2) Perolehan – Laporan Penilaian teknikal dan kos
- 3) Rekabentuk –
 - a. Laporan Audit rekabentuk konsep
 - b. Laporan Audit rekabentuk terperinci
- 4) Pembinaan – Laporan Audit pembinaan
- 5) Serahan – Laporan Audit Kecacatan

PENYATAAN MILESTONES

Nyatakan milestone utama yang perlu dicapai dalam jangka masa pelaksanaan projek

Rujuk WBS dlm MS Project

	PROJECT MANAGEMENT Project Scope Definition	Reference : JKR.PMMM.03 Page No : 4 Issue No : 1 Revision No : 1 Date : 06.05.2008
---	---	--

KEKANGAN

Menyatakan kekangan yang akan mempengaruhi deliverables dan jadual. Isu yang dinyatakan mempunyai kebarangkalian 100% untuk berlaku dan akan menghadkan objektif-objektif yang ditetapkan.

- 1) Kekurangan sumber manusia yang kompeten dalam pembinaan hospital
- 2) Gunasama sumber manusia bagi projek lain yang berjalan serentak
- 3) Keperluan integrasi fizikal dan komunikasi (ICT) antara Kampus Utama UniSZA
- 4) Peruntukan TNT yang terhad

ANDAIAN

Menerangkan fakta yang diandaikan dalam pendekatan yang diambil untuk melaksanakan projek. Fakta ini melibatkan tetapi tidak terhad kepada bidang-bidang berikut: sumber sediaada, kewangan, jangkaan teknikal atau komitmen lain.

1. Kerjasama berpasukan yang baik antara ahli pasukan projek; HOPT & HODT yang lain
2. Sumber yang diperlukan dapat disediakan berpatutan
3. Perubahan dan pindaan skop & kewangan tidak berlaku secara drastic
4. Pasukan Kontraktor/Perunding yang kompeten
5. Jadual perancangan projek yang rapi dan praktikal
6. Rekabentuk yang bertepatan dengan skop dan bajet
7. Tempoh pembinaan yang ditetapkan adalah mencukupi.
8. Lantikan sub-kontraktor elektrik yang berwibawa untuk perlaksanaan projek
9. Kerjasama daripada pihak kontraktor utama dan perunding dilantik
10. Perancangan program kerja pihak kontraktor yang realistik dan dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan
11. Pindaan rekabentuk yang minima
12. Kerjasama daripada pihak PBT dan Utiliti berkaitan
13. Peruntukan yang mencukupi bagi memastikan projek dapat dilaksanakan

PENGECUALIAN

Menerangkan hasil yang perlu diadakan tetapi tidak termasuk dalam skop projek.

- 1) Rekabentuk tidak mengambilkira kerja-kerja pengubahsuaian atau penambahan pada masa akan datang

PROJEK BERKAITAN

Menerangkan projek-projek berkaitan yang perlu disiapkan sebelum projek ini dilaksanakan atau projek yang boleh dimulakan selepas projek ini dilaksanakan/siap; Menerangkan projek-projek berkaitan yang mungkin memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada projek sediaada, contoh dari segi sumber tenaga kerja.

	PROJECT MANAGEMENT Project Scope Definition	Reference : JKR.PMMM.03 Page No : 5 Issue No : 1 Revision No : 1 Date : 06.05.2008
---	---	--

Projek yang perlu disiapkan sebelum projek ini dimulakan :

- 1) Lukisan konsep yang telah disahkan oleh pelanggan
- 2) Laporan pemetaan utiliti (mekanikal dan elektrik)
- 3) Lukisan pelan ukur
- 4) Skop elektrik serta kos yang telah dimuktamadkan

Projek yang berjalan serentak dan menggunakan sumber yang sama:

- 1) HPUPM
- 2) Hospital Dungun
- 3) Hospital Kemaman
- 4) Hospital Kuala Krai
- 5) Hospital Bachok

Projek seterusnya yang tidak boleh dimulakan sehingga projek ini siap:

- 1) Tiada

KEPAKARAN DIPERLUKAN (based similar or related projects, or is this a new activity?)

Menerangkan bidang kepakaran spesifik yang diperlukan oleh projek, samada kepakaran boleh didapati, masa diperlukan dan sebarang kos berkaitan dengan perolehan kepakaran ini; Menerangkan samada projek yang sama pernah dilaksanakan. Sekiranya projek baru, nyatakan dari mana kepakaran akan diperolehi

- Medical Equipment Planner
- Medical Planner
- Kepakaran dalam *Business Process Reengineering* (BPR) oleh ICT

RISIKO UTAMA YANG DIKENALPASTI

Menerangkan gambaran awalan (preliminary overview) keseluruhan risiko utama yang dijangka memberi kesan kepada kejayaan projek

- 1) Tiada kerjasama daripada pihak kontraktor dan perunding
- 2) Rekabentuk yang tidak menepati skop dan kehendak pelanggan
- 3) Perubahan skop projek atas permintaan pihak pelanggan
- 4) Laporan ukur dan pemetaan utiliti yang tidak tepat
- 5) Masa yang singkat untuk penyediaan rekabentuk terperinci
- 6) Kekerapan pindaan rekabentuk arkitek sebelum dimuktamadkan
- 7) Serahan menepati masa
 - a. Kelewatan kontraktor menyiapkan projek mengikut jadual yang ditetapkan boleh menjejaskan perancangan KPM dalam memberikan perkhidmatan klinikal dan rawatan bagi pesakit kanser.

	PROJECT MANAGEMENT Project Scope Definition	Reference : JKR.PMMM.03 Page No : 6 Issue No : 1 Revision No : 1 Date : 06.05.2008
---	---	--

- b. Kelewatan dalam menyediakan lukisan-lukisan pembinaan bagi semua disiplin mengganggu kelancaran kerja-kerja pembinaan.
 - c. Kelewatan kontraktor Utama melantik subkontraktor mungkin akan menjejaskan perancangan dan pelaksanaan projek
 - d. Perubahan dalam rekabentuk mengakibatkan kelewatan dan kos projek meningkat
- 8) Menepati kualiti yang ditetapkan
- 9) Pengurusan kos yang efektif

FASA & AKTIVITI PROJEK

Menerangkan bagaimana menguruskan kerja yang akan dilaksanakan dalam projek bagi mencapai deliverables yang telah disenaraikan dalam keperluan skop, lengkap dengan tarikh mula dan akhir atau had masa.

PHASE	ITEM	START	COMPLETE
Perancangan	a. Pelan Pengurusan Projek (PMP) untuk proses rekabentuk b. Brif (termasuk Brif Projek, Brif Medikal, Brif Peralatan Medikal) c. Need Statements	???	???
Rekabentuk	a. Audit rekabentuk konsep b. Audit rekabentuk terperinci c. Audit rekabentuk pembinaan	????	???
Perolehan	Laporan penilaian teknikal dan kos	???	???
Pembinaan	Laporan Audit pembinaan	??	??
Serahan	Laporan Audit Kecacatan	??	??

BAJET/KEWANGAN PROJEK

Menerangkan belanjawan projek yang dijangkakan (tidak perlu perincian)

PHASE	ITEM	PROJECT Budget (RM)
Perancangan	a. Lawatan Tapak b. Verifikasi Harta Pelanggan	
Rekabentuk	Dokumentasi dan lukisan	
Pembinaan	a. Mesyuarat Tapak dan Teknikal b. Mesyuarat Koordinasi c. Lawatan Audit Teknikal	
Serahan	Pemeriksaan bersama Pelanggan sebelum penyerahan	
JUMLAH (RM)		293,500.00 – sepertimana lampiran JKR.PMMM.05

	PROJECT MANAGEMENT Project Scope Definition	Reference : JKR.PMMM.03 Page No : 7 Issue No : 1 Revision No : 1 Date : 06.05.2008
---	---	--

RINGKASAN PROJEK

Nama Projek	Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)		
Fail Rujukan			
Bajet	RM 150 juta		
Mula	Oktober 2012	Siap	Jun 2016

PENGESAHAN

Kelulusan Pelan Pengurusan Projek adalah diperlukan. Tandatangan bagi pengesahan adalah seperti berikut :

Pengurus Projek (Elektrik)

Nama Ir. Haizan Bin Hussein	Tandatangan	Tarikh
--------------------------------	-------------	--------

Pengurus Program(Elektrik)

Nama Ir. Nik Rahimi Bin Nik Mansor	Tandatangan	Tarikh
---------------------------------------	-------------	--------

Pengurus Bahagian

Nama Dato' Ir. Hj. Mohd Fazli Bin Osman	Tandatangan	Tarikh
--	-------------	--------